

08 OCT 2003

JAMALUDIN-NAIKTARAF

NAIKTARAF M'SIA OLEH S&P POSITIF, KATA JAMALUDIN JARJIS

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, hari ini berkata, kenaikan penarafan kredit kedaulatan jangka panjang dalam matawang asing Malaysia oleh Standard & Poor's kepada "A-" daripada "BBB" sesungguhnya merupakan berita positif bagi negara ini dan adalah hasil langsung bajet berhemah yang diumumkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad September lalu.

"Kenaikan penarafan oleh S&P's ini adalah satu pengiktirafan terhadap dasar fiskal berhemah berterusan yang diamalkan kerajaan," katanya ketika diminta mengulas mengenai kenaikan penarafan yang diumumkan oleh agensi penarafan itu terdahulu hari ini.

S&P juga mengesahkan penarafan jangka pendek matawang asing Malaysia pada 'A-2', dan penarafan jangka panjang dan pendek matawang tempatan masing-masing pada 'A+/A-1' bagi Malaysia.

Prospek mengenai Malaysia stabil, kata agensi penarafan itu.

Katanya penarafan itu mencerminkan prestasi fiskal Malaysia yang lebih baik daripada yang dijangkakan, serta proses peralihan kepimpinan yang licin.

Jamaludin berkata, kerajaan komited terhadap usaha mencapai bajet seimbang menjelang tahun 2007 dan akan "bekerja keras untuk memastikan sasaran kita bagi defisit 2004 sebanyak 3.3 peratus dikekalkan."

S&P berkata, ia menjangka imbalan am kerajaan akan menuju ke arah lebih kecil selepas 2007.

"Kita juga gembira mendapati kenaikan penarafan ini telah menjadikan Malaysia setanding dengan Korea Selatan serta mengatasi China dan Thailand kerana kami merasakan memang tepat pada masanya dasar-dasar kerajaan ke arah pengurusan fiskal berhemah diiktiraf oleh agensi penarafan antarabangsa," katanya.

Jamaludin juga berkata, pasaran memberi reaksi yang sangat positif terhadap kenaikan penarafan itu dan "kita telah melepasi tahap psikologi 760 mata."

Pengukur pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Indeks Komposit mencecah tahap tertinggi tahun ini pada 759.62, dan ini merupakan peningkatan sebanyak 11.07 atau 1.48 peratus selepas menyaksikan dagangan cergas hari ini dengan penyertaan asing di kaunter-kaunter berkaitan indeks utama berikutan kenaikan penarafan itu.

"Kita percaya, tahap keyakinan ini boleh dikekalkan, terutamanya memandangkan proses peralihan licin yang berlaku sekarang," tegasnya.

S&P bersetuju dan berkata peralihan kepimpinan berjalan dengan lancar dengan hanya sedikit, jika ada, perubahan persekitaran dasar Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dijadualkan mengambil alih pucuk pimpinan secara rasmi daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, apabila beliau berundur pada 31 Okt, 2003. -- BERNAMA

MR FR KY NHD